

IMPLIKASI COVID-19 TERHADAP EKONOMI: PERANAN INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA SEBAGAI INSTRUMEN BERKEBAJIKAN DALAM EKONOMI ISLAM**THE IMPLICATIONS OF COVID-19 ON THE ECONOMY: THE ROLE OF ZAKAT INSTITUTIONS IN MALAYSIA AS A WELFARE INSTRUMENT IN ISLAMIC ECONOMY**

Muhamad Husni Hasbulah^{1*}, Hasrul Hashom², Nainatul Farzuha Nor³, Afiffudin Mohammed Noor⁴, Muhammad Hafiz Hassan⁵, Mardziah Mohd Isa⁶

¹Pensyarah, Fakulti Muamalat & Kewangan Islam (FMKI), Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), husni@kuiips.edu.my

²Pensyarah, Pusat Bahasa & Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), hasrul@kuiips.edu.my

³Pensyarah, Fakulti Perniagaan & Sains Pengurusan, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), nainatul@kuiips.edu.my

⁴Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, afiffudin@uitm.edu.my

⁵Pensyarah, Fakulti Muamalat & Kewangan Islam (FMKI), Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), muhammadhafiz@kuiips.edu.my

⁶Pensyarah, Fakulti Muamalat & Kewangan Islam (FMKI), Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), mardziah@kuiips.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Jun 2022

| Selepas Pembetulan: 1 Ogos 2022

| Diterima untuk terbit: 20 Ogos 2022

Abstract

Pandemik Covid-19 telah memberi kesan yang amat besar dan signifikan kepada sesebuah negara. Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun juga turut terkesan akibat penularan wabak Covid-19 ini. Kesannya dapat dilihat samada bersifat secara langsung atau tidak secara langsung. Implikasi terhadap ekonomi, sosial dan kesihatan awam adalah salah satu impak dan kesan secara langsung yang dapat dilihat apabila berlakunya penularan wabak Covid-19. Keadaan ini telah menyebabkan kerajaan terpaksa mengawal dan membendung wabak ini melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) demi memastikan sektor kesihatan awam dalam keadaan terkawal. Melalui kaedah pengumpulan dan penganalisan data secara kualitatif, kajian ini bertujuan mengenalpasti implikasi pandemik Covid-19 terhadap ekonomi Malaysia dan mengkaji peranan yang telah dimainkan oleh institusi zakat di Malaysia dalam usaha mengurangkan implikasi ekonomi akibat Covid-19 kepada masyarakat dan negara. Hasil kajian mendapati antara kesan ekonomi yang berlaku akibat wabak ini ialah keadaan kewangan rakyat atau masyarakat yang terbeban disebabkan keterhadan aktiviti ekonomi dan perniagaan kesan pelaksanaan PKP. Selain itu, kesan ekonomi juga dapat dilihat melalui peningkatan kadar pengangguran dan kemelesetan akibat penguncupan KDNK negara. Walaubagaimanapun, beban ekonomi dan kewangan ini telah disokong oleh instrumen zakat yang merupakan salah satu instrumen berkebaikan dalam ekonomi Islam yang telah lama wujud di Malaysia. Peranan institusi zakat ini dapat dilihat melalui penyaluran sejumlah dana khas yang

telah dibentuk akibat wabak Covid-19 ini bagi setiap negeri dengan menyalurkan bantuan dan agihan dalam pelbagai bentuk dan kaedah.

Kata Kunci: *Covid-19, asnaf, ekonomi, zakat, institusi zakat*

Abstract

The Covid-19 pandemic has had a huge and significant impact on a country. Malaysia as a rapidly developing country has also been affected by the spread of the Covid-19 epidemic. The effect can be seen either directly or indirectly. The economic, social and public health implications are one of the direct impacts and effects that can be seen when the Covid-19 outbreak occurs. This situation has caused the government to control and contain this epidemic through the implementation of the Movement Control Order (MCO) in order to ensure that the public health sector is under control. Through qualitative data collection and analysis methods, this study aims to identify the implications of the Covid-19 pandemic on the Malaysian economy and examine the role played by zakat institutions in Malaysia in an effort to reduce the economic implications of Covid-19 to the community and the country. The results of the study found that among the economic effects that occurred as a result of this epidemic was the financial condition of the people or the community that was burdened due to the limitation of economic and business activities as a result of the implementation of the MCO. In addition, the economic impact can also be seen through an increase in the unemployment rate and recession due to the contraction of the country's GDP. However, this economic and financial burden has been supported by the instrument of zakat which is one of the welfare instruments in the Islamic economy that has existed for a long time in Malaysia. The role of this zakat institution can be seen through the channeling of a number of special funds that have been formed as a result of the Covid-19 outbreak for each state by channeling aid and distribution in various forms and methods.

Keywords: *Covid-19, asnaf, economy, zakat, zakat institution*

1.0 Pengenalan

Tahun 2020 dan 2021 menyaksikan suatu fenomena pandemik yang berlaku mengakibatkan kerugian terhadap dunia meliputi kebanyakan negara yang perlu berhadapan dengan serangan ancaman dan cabaran yang amat berat. Setiap negara di dunia berjuang dan berusaha keras menyelamatkan rakyat dari serangan ancaman sejenis penyakit yang menular dengan pantas dan mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerugian ekonomi kepada setiap negara di dunia. Kronologi penyakit berjangkit ini yang dikenali sebagai Covid-19 bermula pada 31 Disember 2019, dengan satu kejadian radang paru-paru (pneumonia) yang tidak diketahui punca jangkitan di Wuhan, China (Abdullah, 2020). Kesan penularan Covid-19 kepada kesihatan awam negara ini menyaksikan setiap negara terpaksa mengamalkan norma baharu dalam kehidupan sosial seharian melalui pengamalan penjarakkan fizikal, amalan kebersihan dengan kerap mencuci tangan dengan sabun atau hand sanitizier, amalan pemakaian pelitup muka ketika berada ditempat terbuka dan sesak dan arahan untuk duduk di rumah melalui kawalan perintah pergerakan oleh beberapa negara.

Kemunculan virus Covid-19 ini walaupun tidak dapat dilihat oleh mata kasar tetapi pergerakannya sangat aktif melalui jangkitan yang mudah berlaku sehingga wujudnya mutasi baru khususnya mutasi yang telah dikesan di Eropah. Keadaan ini menggambarkan kemampuan dan keupayaan virus Covid-19 ini untuk menjangkiti manusia melalui pergerakannya yang merentasi sempadan dan pelbagai wilayah kesan aktiviti sosial dan ekonomi yang berlaku diantara negara-negara. Sehingga kini 3 September 2021, data jangkitan global Covid-19 menunjukkan sebanyak 218 juta manusia telah dijangkiti dengan angka kematian sebanyak 4.5 juta orang diseluruh dunia (World Health Organization, 2021). Statistik jangkitan di Malaysia menunjukkan seramai 1.8 juta rakyat negara ini telah dijangkiti dan melibatkan jumlah kematian sebanyak 18, 219 orang (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021) selepas kes pertama dikesan di negara ini pada 23 Januari 2020 (Bernama, 2020).

Kesan penularan wabak penyakit berjangkit Covid-19 ini menyebabkan ketidakstabilan kepada seluruh negara melalui impak dan implikasi kepada sektor kesihatan awam secara langsung selain turut mengakibatkan kerugian ekonomi negara samaada secara makro dan mikro. Oleh itu, bagi mengekang penularan wabak Covid-19 daripada terus menular dan mengancam nyawa rakyat dan ekonomi negara, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 (Bernama, 2020) bagi memastikan kesihatan awam rakyat khususnya nyawa dapat diselamatkan disamping memastikan ekonomi negara dapat di kawal melalui kebenaran sebahagian sektor ekonomi yang dibenarkan untuk beroperasi sepanjang PKP dilaksanakan. Namun melalui tindakan kerajaan melaksanakan PKP ini telah mengakibatkan sebahagian sektor aktiviti ekonomi negara terjejas khususnya sektor industri kecil dan sederhana (IKS) yang melibatkan mereka yang tergolong dalam kategori berpendapatan rendah dan juga mereka yang tergolong dalam golongan asnaf yang layak menerima bantuan zakat atau secara khususnya mereka yang sedang dalam penerimaan zakat oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang terlibat dalam aktiviti perniagaan yang dikategorikan dalam IKS. Ini dapat dilihat melalui data pengangguran negara yang diunjurkan meningkat sebanyak 3.9 peratus sehingga Mac 2020 berbanding tahun sebelumnya (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Berdasarkan kepada permasalahan yang timbul daripada penularan wabak Covid-19 yang membawa kepada pelaksanaan PKP telah menjejaskan prestasi ekonomi negara Malaysia dan boleh membawa kepada bebanan kewangan sedia ada bersama peningkatan golongan asnaf, maka kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti implikasi pandemik Covid-19 terhadap ekonomi Malaysia dan mengkaji peranan yang telah dimainkan oleh institusi zakat di Malaysia dalam usaha mengurangkan implikasi ekonomi akibat Covid-19 kepada masyarakat dan negara.

2.0 Sorotan Literatur

Zakat dari segi bahasa bermaksud bersih dan suci dan berasal dari perkataan *zaka* (Abd Rashid et al., 2018). Manakala dari segi syarak zakat bermaksud hak yang wajib terhadap harta iaitu mengeluarkan sebahagian daripada harta tertentu dengan syarat-syarat dan kadar tertentu kepada golongan yang layak menerima zakat (asnaf) (Al-Zuhaili, 2005). Golongan yang layak menerima zakat dikenali sebagai asnaf iaitu terdiri daripada lapan golongan sepertimana yang dijelaskan melalui al-Quran ayat 60 dari surah al-Tawbah "Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk

mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana". Objektif dan tujuan utama pensyariaan zakat adalah untuk memenuhi keperluan asas masyarakat melalui fungsinya yang mengagihkan sebahagian harta kepada golongan asnaf bagi tujuan keperluan asas kehidupan disamping membolehkan harta zakat tersebut menjadi alat kepada pengaliran pergerakan dalam rangkaian aktiviti ekonomi. Ini menunjukkan zakat bukan sahaja bersifat ibadah semata-mata tetapi juga sebagai bentuk instrumen ekonomi Islam yang menjadi asas kepada jaminan sosial masyarakat Islam (Asni, 2021; Zaki & Rahman, 2019 & Wahid et al., 2017).

Selain agihan zakat yang disalurkan secara normal dengan mengambil kira tiada bencana yang berlaku, terdapat juga peruntukan daripada zakat yang boleh disalurkan dan diagihkan pada masa dan keadaan ketika berlakunya bencana seperti banjir. Mangsa banjir boleh menerima agihan zakat kerana mereka termasuk dalam golongan asnaf kategori *al-gharimin* iaitu mereka yang terbelenggu dengan beban kewangan akibat musibah bencana yang berlaku (Fisal et al., 2016). Hal ini kerana banjir adalah bencana yang menyebabkan harta benda musnah dan memerlukan kepada bantuan. Justeru, ulama memasukkan golongan seperti ini sebagai asnaf *al-gharimin* iaitu orang yang berhutang. Menurut Fisal et al. (2016), zakat boleh diberikan kepada golongan yang terjejas kerana bencana sama ada banjir besar, puting beliung, tanah runtuh, gempa bumi dan lain-lain kejadian yang menyebabkan rumah dan tanaman mereka musnah. Mereka boleh dikategorikan sebagai golongan *al-gharimin* yang berhak menerima zakat. Walau bagaimanapun, Fisal et al. (2016) menetapkan bahawa kelayakan seseorang mangsa banjir dalam situasi darurat dilihat lebih tepat di bawah kaedah fiqh *al-darurat tubihul mahzurat* (kemudaharatan membolehkan tegahan) dan dibatasi dengan kaedah fiqh yang lain iaitu *al-darurat tuqaddar bi qadariha* (keadaan darurat ditentukan mengikut kadarnya).

Dari sudut agihan zakat, banyak institusi zakat telah membuka tabung kecemasan COVID-19 untuk golongan yang terjejas disebabkan wabak COVID-19. Antara golongan yang terjejas tersebut adalah para pesakit COVID-19, individu yang kehilangan kerja, peniaga dan penjaja kecil serta golongan asnaf yang sedia terjejas (Hambari et al., 2020; Suhaimi, 2020). Agihan dana zakat kepada golongan yang terjejas akibat COVID-19 adalah bertepatan dengan *maqasid al-Shariah* (Kadir et al., 2020). Selain itu, terdapat juga kajian yang dijalankan oleh Hasbulah et. al (2022a & 2022b) yang meninjau keberkesanan agihan zakat dalam menghadapi cabaran wabak COVID-19 mengikut negeri seperti Pulau Pinang dan Terengganu. Ninglasari et al. (2021) mencadangkan kepada institusi zakat untuk meningkatkan penggunaan zakat digital bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan kutipan dan agihan zakat. Sementara Haider Syed et al. (2020) mencadangkan model baharu dalam bantuan zakat dengan memasukkan konsep *qard hasan* bagi membantu golongan peniaga kecil yang terjejas dengan COVID-19.

Kesimpulannya, dengan berlakunya penularan wabak Covid-19 di Malaysia, institusi zakat berhadapan dengan cabaran baru dalam mengatasi permasalahan ekonomi dan kesihatan awam yang wujud di samping bakal berhadapan dengan peningkatan golongan asnaf yang layak menerima agihan zakat. Oleh itu, melalui kajian ini zakat yang berperanan sebagai instrumen dan alat kepada ekonomi Islam khususnya perlu ditonjolkan bagi menggambarkan kesyumulan agama Islam yang sentiasa menyentuh keseluruhan aspek kehidupan samaada secara am atau khusus yang sesuai untuk menyelesaikan permasalahan yang wujud akibat bencana yang muncul dari penularan wabak Covid-19.

3.0 Metodologi Penyelidikan


Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah pengumpulan data sekunder yang diperolehi daripada buku, artikel jurnal, prosiding, akhbar, laman web rasmi dan pekeliling yang berkaitan terhadap dua subjek utama perbincangan iaitu implikasi Covid-19 terhadap ekonomi Malaysia dan aspek agihan zakat yang telah dilaksanakan oleh institusi zakat MAIN. Sampel kajian melibatkan 14 buah institusi zakat yang terdiri daripada institusi zakat MAIN dan institusi zakat di bawah MAIN. Seterusnya analisa data dalam kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah analisa kandungan bagi mencapai objektif kajian iaitu melibatkan proses pengenalpastian, penyaringan, penafsiran dan pembahagian data dalam kategori aspek pengurusan agihan zakat oleh institusi zakat semasa wabak Covid-19 melanda negara Malaysia (Lebar, 2018) disamping mengenalpasti implikasi ekonomi secara makro akibat pelaksanaan PKP yang disebabkan oleh penularan wabak Covid-19.

4.0 Hasil Kajian dan Perbincangan

4.1 Kesan Covid-19 Terhadap Ekonomi Malaysia

4.1.1 Beban kewangan

Diantara tindakan langsung yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia ketika berhadapan dengan Covid-19 ialah dengan melaksanakan PKP. Melalui pendekatan ini, kesan kebolehtangkitan Covid-19 dalam kalangan rakyat Malaysia mampu dikurangkan disebabkan oleh keterhadan pergerakan yang dibenarkan sama ada melibatkan pergerakan individu atau sektor ekonomi dan perniagaan. Walau bagaimanapun, pendekatan PKP ini juga telah memberi kesan terhadap aktiviti ekonomi negara disebabkan melalui PKP ini telah menghadkan pergerakan individu, sektor ekonomi dan perniagaan untuk menjalankan pekerjaan dan kesannya menyebabkan pendapatan dan perbelanjaan mereka terjejas (Hasbullah, N. A., & Ab Rahman, A., 2020).



Jadual 1: Kesan Kewangan Terhadap PKP Mengikut Negeri (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020)

Jadual 1 menunjukkan kesan kewangan akibat pelaksanaan PKP mengikut negeri di Malaysia. Didapati tujuh buah negeri di Malaysia telah mengalami kesan dan

impak kewangan melebihi 60 peratus akibat pelaksanaan PKP iaitu melibatkan negeri Sabah, Kelantan, Perlis, Perak, Terengganu, Pahang dan Kedah. Tiga buah negeri mencatatkan kesan dan impak yang tertinggi iaitu Sabah sebanyak 66.7%, Kelantan 65.6% dan Perlis 64%. Keadaan ini jelas menggambarkan bahawa keseluruhan negeri di Malaysia menunjukkan amat terkesan akibat pelaksanaan PKP dari aspek kesan kewangan dengan purata sebanyak 56.9 peratus. Perincian data ini disimpulkan oleh Talha (2020), yang telah menjelaskan diantara golongan yang terkesan dari aspek kewangan dalam sektor pekerjaan dan perniagaan adalah mereka yang tergolong dari kelas majikan, pekerja kerajaan dan swasta, peniaga, petani dan nelayan disebabkan oleh hilangnya pekerjaan yang mengakibatkan tiada sumber pendapatan, potongan gaji, perniagaan terpaksa ditutup dan permintaan berkurang sama ada dari pemborng atau peniaga. Selain itu, beban kewangan ini juga terjadi apabila terdapat pekerja yang telah di arahkan bercuti tanpa gaji atau dipotong gaji sebanyak 20 peratus hingga 50 peratus sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.

4.1.2 Peningkatan kadar pengangguran

Selain dari beban kesan kewangan akibat pelaksanaan PKP, sektor pekerjaan di Malaysia juga terkesan dengan penutupan operasi perniagaan yang menyebabkan banyak sektor pekerjaan terpaksa diberhentikan atas dasar sektor perniagaan tidak dapat menampung kos perbelanjaan operasi semasa PKP terutamanya kos perbelanjaan upah pekerja (Aziz, 2020). Beban kos perbelanjaan pekerja ini tidak dapat ditanggung oleh entiti perniagaan semasa tempoh Covid-19 ini disebabkan oleh kepincangan dalam aliran tunai sesebuah syarikat yang akhirnya memaksa mengambil tindakan memberhentikan pekerja sedia ada. Keadaan ini amat terkesan sekiranya perniagaan tersebut tergolong dalam IKS kerana ketidakcukupan modal untuk menampung bebanan aliran tunai yang terpaksa ditanggung semasa tempoh PKP dilaksanakan. Walaupun terdapat sektor yang dibenarkan beroperasi semasa tempoh PKP ianya juga tetap memberi kesan kepada institusi perniagaan tersebut kerana terpaksa beroperasi dengan mengikut *Standart Operation Prosedure (SOP)* yang ketat sehingga membawa kepada kos tambahan kepada syarikat yang terlibat. Hal ini bertambah buruk apabila kekurangan pelanggan dan pengguna dalam mengurus transaksi telah meninggalkan impak yang ketara kepada syarikat atau pemilik perniagaan di samping sekatan perjalanan yang telah dikenakan menyebabkan rentas negeri atau daerah tidak dibenarkan. Kesannya perniagaan yang tergolong dalam sektor pelancongan, makanan, pengangkutan dan lain-lain terpaksa mengambil keputusan memberhentikan operasi dan pekerja (Jabatan Perangkaan, 2020).

TENAGA BURUH	2020			2021	
	ST 2	ST 3	ST 4	ST 1	ST 2

Jumlah Tenaga Buruh ('000 orang)	15675.50	15840.60	15922.30	16008.40	15972.20
Penduduk Bekerja ('000 orang)	14883.70	15095.60	15161.60	15236.50	15207.30
Penganggur ('000 orang)	791.80	745.00	760.70	771.80	764.90
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (%)	68.10	68.40	68.50	68.60	68.30
Kadar Pengangguran (%)	5.10	4.70	4.80	4.80	4.80

Jadual 2: Jumlah Tenaga Buruh Mengikut Suku Tahun (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021)

Jadual 2 menunjukkan jumlah tenaga buruh di Malaysia mengikut suku tahun (ST) bagi tempoh tahun 2020 (suku tahun 2,3 dan 4) dan 2021 (suku tahun 1 dan 2). Sepanjang tempoh tahun 2020 dan 2021, suku tahun ke 2 tahun 2020 menunjukkan kadar pengangguran yang tertinggi iaitu pada kadar 5.10 peratus yang melibatkan 791 ribu orang yang menganggur. Tempoh ini merupakan tempoh pertama pelaksanaan PKP oleh kerajaan iaitu yang bermula pada 18 Mac 2020 (Bernama, 2020). Walaupun, kadar ini telah mengalami penyusutan sebanyak 0.4 peratus pada suku tahun ke 3 tahun 2020, ianya kembali meningkat kepada 4.8 peratus pada suku tahun 3 dan suku tahun 1 dan kedua tahun 2021. Kini jumlah pengangguran bagi tempoh suku tahun ke 2 tahun 2021 (April – Jun) sebanyak 764 ribu orang. Kadar pengangguran ini bertepatan dengan unjuran yang telah dilakukan oleh Bank Negara yang menganjurkan kadar pengangguran akan meningkat kepada 4 peratus bagi tahun 2020 dan kekal sehingga kini sehingga suku tahun ke 2 tahun 2021 berbanding tren sebelum tahun 2020 dengan kadar pengangguran Malaysia kekal pada 3.3 peratus setahun (The Malaysia Reserve, 2020 & Mohd Farique & Mohd Fauzi, 2021). Manakala International Monetary Fund (2020), telah mengunjurkan kadar pengangguran Malaysia pada tahun 2020 akan mencecah 4.9 peratus.

Sektor yang terjejas akibat pengangguran ini terdiri daripada sektor pelancongan, penerbangan, perniagaan, industri kreatif, perumahan, pembuatan, perniagaan, sumber manusia, perubatan swasta, perkhidmatan profesional, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertanian dan perladangan (Aziz, 2020 & Zainudin, 2020). Situasi ini bertambah buruk apabila laporan IPSOS (2020) yang merupakan sebuah institusi firma penyelidikan telah melaporkan tahap kebimbangan rakyat terhadap pengangguran berada pada tahap 40 peratus iaitu jumlah tertinggi berbanding tahun sebelumnya.

4.1.3 Kemelesetan ekonomi melalui penguncupan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Kemelesetan ekonomi adalah berpunca daripada penguncupan dalam kitaran perniagaan yang terhasil daripada kesan penurunan aktiviti ekonomi dalam sesebuah negara. Penurunan ini boleh dilihat melalui indikator KDNK sesebuah negara melalui trend yang terhasil berdasarkan jenis sektor ekonomi yang

bergerak dalam negara. Ciri-ciri kemelesetan ekonomi negara ini dapat digambarkan melalui penguncupan dan penurunan unjuran terhadap pertumbuhan KDNK (Mohd Farique & Mohd Fauzi, 2021; Hasbulah et. al, 2022c).

KDNK Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi Pada Harga Malar 2015 (Pertumbuhan YoY, %)	2020			2021	
	ST 2	ST 3	ST 4	ST 1	ST 2
KDNK	-17.20	-2.70	-3.40	-0.50	16.10
Pertanian	0.90	-0.30	-1.00	0.20	-1.50
Perlombongan & Pengkuarian	-20.80	-7.80	-10.40	-5.00	13.90
Pembuatan	-18.30	3.30	3.00	6.60	26.60
Pembinaan	-44.50	-12.40	-13.90	-10.40	40.30
Perkhidmatan	-16.20	-4.00	-4.80	-2.30	13.40

Jadual 3: KDNK Malaysia: Suku Tahun (SK) 2020 dan 2021 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021)

Jadual 3 menunjukkan prestasi KDNK Malaysia bagi suku tahun 2020 dan 2021. Secara keseluruhannya prestasi KDNK pada setiap suku tahun tengah mengalami penurunan bermula suku kedua tahun 2020 sehingga suku pertama tahun 2021. Sepanjang suku kedua tahun 2020 iaitu pada bulan April sehingga Jun penurunan yang tertinggi dicatatkan iaitu sebanyak 17.2 peratus. Tren penurunan dalam KDNK ini berlanjutan sehinggalah suku tahun pertama tahun 2021. Sehinggalah pada suku kedua tahun 2021 tren KDNK kelihatan kembali positif selepas terdapat kelonggaran terhadap beberapa sektor ekonomi untuk terus beroperasi. Antara sektor terbesar yang menyumbang kepada tren penurunan KDNK ini ialah sektor perlombongan, pembuatan dan perkhidmatan.

4.2 Peranan Institusi Zakat di Malaysia Sebagai Instrumen Berkebijakan Dalam Ekonomi Islam

Institusi zakat di Malaysia merupakan salah sebuah institusi di bawah bidang kuasa negeri kerana ianya melibatkan hal ehwal berkaitan agama Islam. Institusi zakat ini berperanan dalam aspek kutipan dan agihan zakat yang beroperasi sama ada di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau institusi syarikat di bawah MAIN (wakil). Ketika pandemik Covid-19 melanda negara, institusi zakat dengan komitmen yang tinggi telah melaksanakan kutipan zakat untuk diagihkan kepada golongan asnaf yang terjejas kesan penularan wabak Covid-19 ini. Selain itu, terdapat juga institusi zakat di Malaysia telah mengambil inisiatif yang bersepadu dari aspek menyalurkan bantuan zakat kepada asnaf yang terjejas melalui pembentukan dana khas zakat pandemik. Berikut merupakan dana khas yang telah dibentuk oleh institusi zakat bagi setiap negeri yang dikhas bagi tujuan bantuan disebabkan Covid-19.

Institusi Zakat	Nama Bantuan Zakat	Jumlah Peruntukan/ agihan (RM)
Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)	Bantuan Khas Covid-19 (MAIPs, 2021).	<ul style="list-style-type: none"> Tahun 2021 sebanyak RM8,363,078/ 18,179 penerima Tahun 2020 sebanyak RM4,688,267/ 14,679 penerima
Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)	Asnaf Care (Asnaf Care, t.t.).	Jangkaan kutipan sebanyak RM 36 million/ 700,000 isi rumah
Zakat Pulau Pinang (ZPP)	Skim Bantuan Khas Peniaga Kecil Asnaf	RM2.5 juta/ 5,000 orang
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk)	Skim Bantuan Khas Modal	RM2 juta
Lembaga Zakat Selangor (LZS)	Bantuan Zakat Selangor Peduli (LZS, 2021).	RM69.3 Juta/ 59,322 penerima dan 431 institusi
Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP)	Bantuan Zakat Kecemasan Covid-19 (Musaadah Covid-19) (MAIWP, 2021).	RM25.11 juta <ul style="list-style-type: none"> Bantuan Zakat kewangan bulanan RM9.67 juta/ 24,196 asnaf Bantuan Zakat khas tambahan RM12.1 juta/ 24,196 asnaf Bantuan peralatan pernafasan RM3.27 juta/ 7 buah hospital Bantuan makanan harian sepanjang PKP RM49,000/ 7 lokasi, 678 bungkus sehari Bantuan bantal & tilam pusat khusus gelandangan RM15,000
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAIN)	Bantuan Zakat Khas Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (Sinar Harian, 2021).	RM2,654,948 <ul style="list-style-type: none"> Bantuan khas tunai RM1,408,850 Bantuan segera asnaf fakir & miskin RM18,604 Bantuan "Person Under Surveillance" (PUS) RM138,700 Bantuan pakaian pelindung diri (PPE) RM47,760 Bantuan sumbangan makanan bermasak bagi petugas dan frontliner RM76,580 Bantuan organisasi RM21,000 Bantuan 1 asnad 1 tablet RM872,958
Majlis Ugama dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)	Bantuan Prihatin Zakat (Mamat, 2021).	Penerima layak menerima bantuan sekali bayar antara RM200 hingga RM300. Dijangka 5,000 layak menerima.
Majlis Agama Islam Negeri Johor	Bantuan Khas Zakat Covid-19 (MAIJ, 2021).	Bantuan khas tahun 2021 RM12,597,800 dan tahun 2020 RM9,868,300
Majlis Ugama Islam Sabah	Bantuan Khas Covid-19 (MUIS, t.t.).	<ul style="list-style-type: none"> Bantuan khas waris pesakit Covid-19 RM1,000 Bantuan khas petugas mesra ibadah RM28,000 Bantuan khas penerima bantuan bulanan RM1.4 juta Bantuan khas fakir miskin muallaf RM3.2 juta Bantuan khas masjid bagi keperluan asas asnaf RM300,000 Bantuan khas kepada mahasiswa/i Sabah di Kaherah, Mesir RM32,500

Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak	Bantuan Covid-19 (Tabung Baitulmal Sarawak, t.t.).	<ul style="list-style-type: none"> • Sepanjang tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021 RM10.7 juta telah disalurkan
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Kelantan (MAIK)	Program Prihatin MAIK Covid-19 (Kasim, 2021).	RM33.4 juta diagihkan kepada 40,000 rakyat
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	Bantuan Segera One Off Asnaf PKPD & PKP 3.0 (MAIDAM, 2021).	Tiada maklumat
Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)	Bantuan Khas MAIM Covid-19 Negeri Melaka	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah keseluruhan RM4,258,910 • Bantuan makanan tambahan bulanan RM864,00/ 8,640 asnaf (RM100/asnaf) • Bantuan makanan kecemasan RM501,000 • Bantuan sukarelawan asnaf RM75, 140/ 289 sukarelawan (RM260/sukarelawan) • Bantuan pencegahan dan rawatan Covid-19 RM17,000/ 3 buah hospital di Melaka • Bantuan pusat kuarantin Melaka (CREaTE) RM5,000 • Bantuan Frontlinear PDRM RM6,000 • Bantuan pelajar Melaka di Mesir dan Jordan RM63,800/ 309 orang • Bantuan penjaja & peniaga kecil RM150,000/ 300 orang (RM500/orang) • Bantuan lain-lain berkaitan Covid-19 RM6,300 • Bantuan makanan bulanan RM1,584, 400 • Bantuan bulanan bank RM833, 520 • Bantuan bulan tunai RM152,750

Jadual 4: Bantuan Khas Zakat Covid-19 Mengikut Institusi Zakat di Malaysia (Pelbagai Sumber)

Jadual 4 menunjukkan jenis bantuan zakat yang telah disalurkan oleh institusi zakat di Malaysia sepanjang tempoh Covid-19. Secara umumnya terdapat pelbagai bentuk dan jenis zakat yang telah disalurkan oleh institusi zakat dalam bentuk dana khas bantuan Covid-19 bergantung kepada keperluan bagi setiap negeri. Sepanjang pandemik Covid-19 melanda negara, institusi zakat di Malaysia sama ada melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau institusi lantikan MAIN telah menyalurkan sejumlah RM185.61 juta bantuan kepada golongan asnaf yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19. Jumlah ini dimanfaatkan kepada isi rumah, individu dan institusi yang juga terdiri daripada institusi kesihatan di Malaysia bertujuan untuk digunakan dalam menangani wabak Covid-19 yang sedang menular dan juga bertujuan mengurangkan beban masyarakat yang terjejas pendapatan sehingga menyebabkan beban kewangan akibat PKP yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Berdasarkan kepada sumbangan besar yang telah disalurkan oleh institusi zakat di Malaysia ini menggambarkan bahawa institusi zakat sentiasa berperanan dalam menangani isu semasa terutamanya isu yang timbul akibat penularan wabak Covid-19 kerana ianya merupakan isu kesihatan awam negara (Hasbulah

et. al, 2022d). Peranan yang dimainkan oleh institusi zakat ini dijangka dapat menampung beban kewangan kerajaan dalam usaha mengatasi masalah ekonomi yang terhasil daripada Covid-19. Keadaan ini dengan jelas menggambarkan institusi zakat adalah sangat komited melalui tindakannya yang sentiasa bersifat cakna dalam usaha mengurangkan permasalahan ekonomi yang selaras dengan penjagaan harta dalam Maqasid Syariah serta membantu meningkatkan kesihatan awam melalui penyaluran dana dan kelengkapan perubatan kepada institusi kesihatan negara agar pemeliharaan nyawa dapat dijaga dan dicapai.

Selain peranan yang telah dimainkan oleh institusi zakat di Malaysia seperti yang telah dibincangkan, terdapat beberapa perkara yang boleh menjadi potensi kepada institusi zakat untuk dilihat dan dinilai supaya setiap program yang dirancang dan yang bakal dirangka untuk membantu golongan asnaf akibat kesan pandemik Covid 19 mampu mencapai matlamat membantu golongan asnaf yang terkesan dengan lebih efektif dan komprehensif. Antaranya seperti yang dicadangkan oleh Aziz (2020) dalam memberi nilai tambah kepada program bantuan yang dirancang oleh institusi kerajaan, institusi zakat juga boleh menilai perkara seperti meningkatkan kemahiran teknologi dan pelaksanaan program kerjaya kepada golongan asnaf untuk mendepani cabaran semasa ekonomi yang semakin maju dalam berevolusi. Dengan merangka program yang mampu meningkat kemahiran teknologi golongan asnaf yang sememangnya terkesan dari pandemik Covid 19 ini, ianya mampu menjadi platform kepada asnaf untuk memajukan diri dalam kerangka cabaran dunia semasa selain membantu golongan asnaf yang terlibat khusus dalam keusahawanan untuk kembali berada pada landasan yang sepatutnya. Ini kerana potensi dan pasaran semasa terhadap teknologi dalam perniagaan kini sedang berkembang dan mampu menjadi satu industri ekonomi yang besar dalam kerangka struktur ekonomi Malaysia berdasarkan kekuatan permintaan dalaman yang ada pada masa kini.

Institusi zakat juga boleh merangka dan merancang program yang berasaskan dana zakat kepada golongan asnaf dengan mengambilkira penyaluran agihan zakat yang mampu digunakan asnaf untuk menjana pendapatan dan kerja. Melalui pemberian insentif untuk menjana pendapatan dan kerja ini akan membantu kitaran ekonomi semasa Malaysia dan dalam masa yang sama akan meningkatkan nilai rantai ekonomi negara khususnya nilai rantai yang ada dalam industri kecil dan sederhana yang sememangnya terkesan semasa pandemik ini. Oleh itu, institusi zakat di Malaysia khususnya MAIN sebagai institusi yang berperanan membantu golongan asnaf perlu menimbang elemen seperti yang telah dibincangkan untuk memberi penyelesaian segera jangka pendek kepada golongan asnaf yang telah terkesan akibat penularan Covid 19.

5.0 Kesimpulan

Kesimpulannya penularan wabak Covid 19 telah memberi impak dan kesan yang signifikan terhadap ekonomi Malaysia secara umumnya selain golongan tertentu seperti asnaf yang sememangnya tergolong dalam golongan yang kurang berkemampuan walaupun sebelum berlakunya pandemik Covid 19. Implikasi dan impak Covid 19 dapat dilihat melalui petunjuk ekonomi yang mengalami perubahan ketara berbanding petunjuk ekonomi bagi tahun sebelum ini. Dengan wujudnya institusi zakat yang beroperasi di

bawah MAIN dan pengurusan hal ehwal Islam negeri telah menunjukkan bahawa zakat yang diuruskan oleh institusi zakat Malaysia adalah merupakan instrumen berkeadilan dalam ekonomi Islam yang mampu membantu secara bersama dalam menguruskan permasalahan yang timbul dalam ekonomi negara khususnya akibat pandemik kini. Golongan asnaf yang sememangnya terjejas dapat dibantu dan ditingkatkan melalui bantuan dan program yang disalurkan oleh institusi zakat yang bertujuan untuk meningkatkan tarafkan ekonomi mereka untuk sama-sama mengharungi pandemik Covid 19.

Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian hasil kajian daripada peruntukan geran penyelidikan jangka pendek (STG-021), Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs).

6.0 Rujukan

- Abd Rashid, M., Wahid, H., & Ahmad, S. (2018). Analisis faktor penentu kualiti pengurusan zakat: Kajian terhadap Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Sepang. *Journal of Fatwa Management and Research*, 11, 27-44.
- Abdullah, N. H. (2020, Januari 16). Kesiapsiagaan dan respons KKM dalam menghadapi potensi penularan Novel Coronavirus, Wuhan, China. [From the Desk of the Director-General of Health Malaysia. https://kpkesehatan.com/2020/01/16/kenyataan-akhbar-kpk-16-januari-2020-kesiapsiagaan-dan-respons-kkm-dalam-menghadapi-potensi-penularan-novel-coronavirus-wuhan-china/](https://kpkesehatan.com/2020/01/16/kenyataan-akhbar-kpk-16-januari-2020-kesiapsiagaan-dan-respons-kkm-dalam-menghadapi-potensi-penularan-novel-coronavirus-wuhan-china/)
- Al-Zuhaili, W. (2005). *Al-Fiqh al-Islamic wa adillatuhu*. (8th ed.). Dar al-Fikr
- Asnaf Care (t.t.). *LZSK launches "asnaf care" funding system to help those affected by Covid-19 outbreak*. Diakses Mei 30, 2022, daripada <https://asnafcare.com.my/about-us.html>
- Asni, F. (2021). Pengurusan kutipan dan agihan zakat oleh MAIPs ketika Covid-19 di negeri Perlis: suatu sorotan kajian. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research (IJIEFER)*, 4(2). 1-13.
- Aziz, A. R. (2020). Pengangguran dalam kalangan tenaga kerja semasa wabak Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 1-9. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.53>
- Bernama. (2020, Jun 14). *Malaysia among top 5 globally to have successfully contained COVID-19*. https://www.bernama.com/en/general/news_covid-19.php?id=1851144
- Fisal, S. F. M., Khafidz, H. A., Subri, I. M., & Rahman, A. A. (2016). Aplikasi kaedah Fiqh Al-Darurah Tuqaddar Biqadariha dalam agihan zakat untuk mangsa banjir. *Journal of Fatwa Management and Research*, 8(1), 79-90.
- Hambari, H., Arif, A. A., & Zaim, M. A. (2020, October). The role of zakat institution in facing Covid-19. *International Conference of Zakat*. 119-126.

- Hasbullah, M. H., Asni, F., Noor, A. M., & Halim, W. M. A. W. (2022a). Economic impact of Covid-19 outbreak: a study of zakat collection and distribution management in Zakat Penang (ZP). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(4), 1047–1066. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i4/12979>
- Hasbullah, M. H., Mohamad, N., Saaidun, N. S. N., & Zuki, M. F. M. (2022c). Potential of waqf instrument during Covid-19: a literature review on Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(4), 1120–1134. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i4/12918>
- Hasbullah, M. H., Noor, A. M., Abu Bakar, M., Hassan, M. H., & Isa, M. M. (2022d). Zakat funds for health and medical sector: role and strategy of Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 12(7), 793 – 811. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i7/14168>
- Hasbullah, M. H., Noor, A. M., Asni, F., Halim, W. M. A. W., & Zuki, M. F. M. (2022b). Management of zakat collection and distribution during the Covid-19 pandemic: a case study on Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 12(7), 1394 – 1404. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i7/14104>
- Hasbullah, N. A. ., & Ab Rahman, A. . (2020). Peranan pemegang taruh dalam menjaga kebajikan ekonomi rakyat semasa pandemik COVID-19 dari perspektif ekonomi Islam. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 17(3), 71-89. <https://doi.org/10.33102/jmifr.v17i3.285>
- International Monetary Fund. (2020). *World Economic Outlook*. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2020/04/14/weo-april-2020>.
- IPSOS Survey (2020, June 5). *What worries the world: Coronavirus Concern Rebounds*. <https://www.ipsos.com/en-my/what-worries-world-coronavirus-concern-rebounds>
- Jabatan Perangkaan Malaysia, (2021). *Poket STATS ST2 2021*. [file:///C:/Users/User/Downloads/Poket%20Stats%20ST2%202021%20\(BM\)%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/User/Downloads/Poket%20Stats%20ST2%202021%20(BM)%20(1).pdf)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020, Julai 7). *Laporan survei khas kesan Covid-19 kepada ekonomi dan individu (pusingan 1)*. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/covid-19/Analisis_Survei_Khas_Kesan_COVID-19_Kepada_Ekonomi_dan_Individu-Laporan_Penuh.pdf
- Kadir, A., Hakim, M. R., Syam, F., & Karim, M. S. (2020). Penggunaan dana zakat pada korban Covid-19 perspektif Maqashid Syariah. *Al-Tafaqquh: Journal of Islamic Law*, 1(2), 107-116.
- Kasim, R. (2021, Januari 28). *MAIK belanjakan RM33.4 juta bantu rakyat terjejas Covid-19*. <https://www.sinarharian.com.my/article/121299/EDISI/MAIK-belanjakan-RM334-juta-bantu-rakyat-terjejas-Covid-19>

- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021, September 5). *Situasi terkini Covid-19 di Malaysia 05 Sept 2021*. [Terkini Harian | COVID-19 MALAYSIA \(moh.gov.my\)](https://www.moh.gov.my)
- Lebar, O. (2018). *Penyelidikan kualitatif: pengenalan kepada teori dan metode*. Tanjung Malim, Penerbit UPSI.
- LZS (2021, Julai 3). *Zakat selangor peduli: lzs peruntukan rm69.3 juta santuni asnaf dan golongan terkesan*. <https://www.zakat Selangor.com.my/terkini/zakat-selangor-peduli-lzs-peruntukan-rm69-3-juta-santuni-asnaf-dan-golongan-terkesan/>
- MAIDAM (t.t.). *Bantuan Segera One Off Asnaf PKPD & PKP 3.0*. Diakses Mei 30, 2022, daripada <http://www.maidam.terengganu.gov.my/index.php/en/homepage/91-berita-2021/759-sumbangan-muassadah-covid-19>
- MAIJ. (2021, Julai 6). *Inisiatif bantuan khas zakat*. <https://www.maij.gov.my/archives/6374>
- MAIPs (2021, Julai 25). *MAIPs salur RM12.8 juta tangani Covid-19*. [Majlis Agama Dan Istiadat Melayu Perlis - MAIPs salur RM12.8 juta tangani Covid-19](https://www.majlis-agama-dan-istiadat-melayu-perlis.gov.my/berita/MAIPs-salur-RM12.8-juta-tangani-Covid-19)
- MAIWP (t.t.). *Maklumat Bantuan Kecemasan #MUSAADAHCOVID19 MAIWP*. Diakses Mei 30, 2022, daripada <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/maklumat-bantuan-kecemasan-musaadahcovid19-maiwp>
- Mamat, M. R. (2021, Jun 10). *MUIP perkenal bantuan prihatin zakat*. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/06/826365/mui-p-kenalkan-bantuan-prihatin-zakat>
- Mohd Farique, M. A., & Mohd Fauzi, M. A. (2021). Implication of Covid-19 pandemic on global economy and Malaysian economy. *International Journal of Interdisciplinary & Strategic Studies (IJISTRA)*, 2(2), 122-129. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2021.32>
- MUIS. (t.t.). *Bantuan khas Covid-19 bahagian zakat & fitrah (MUIS)*. Diakses Mei 30, 2022, daripada https://apps.zakat.sabah.gov.my/berita_c.php
- Ninglasari, S. Y., & Muhammad, M. (2021). Zakat digitalization: effectiveness of zakat management in the Covid-19 Pandemic Era. *Journal of Islamic Economic Laws*, 4(1), 26-44. <https://journals.ums.ac.id/index.php/jisel/article/view/12442/6437>
- Sinar Harian (2021, Jun 30). *MAINS peruntuk lebih RM2 juta bantu golongan terkesan Covid-19*. <https://www.sinarharian.com.my/article/147333/EDISI/MAINS-peruntuk-lebih-RM2-juta-bantu-golongan-terkesan-Covid-19>
- Suhaimi, F. M. (2020). Peranan zakat dalam membantu peniaga kecil dan penjaja yang terjejas akibat penularan wabak Coronavirus di Malaysia. *International Seminar on Islam And Science 2020 (SAIS 2020)*.
- Tabung Baitulmal Sarawak (t.t.). *Bantuan Covid-19 tabung baitulmal Sarawak*. Diakses Mei 30, 2022, daripada <https://www.tbs.org.my/www/>

- Talha, R. (2020). Kajian kes impak perintah kawalan pergerakan kepada penduduk Malaysia. *Jabatan Perangkaan Malaysia Newsletter Siri 17*. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DO SM BPPD 1-2020 Siri-17.pdf
- The Malaysia Reserve, (2020, April 6). *Malaysia on the verge of recession*. <https://themalaysianreserve.com/2020/04/06/malaysia-on-the-verge-of-recession-economycould-shrink-2/>.
- Wahid, H., Ahmad, S., Nor, M. A. M., & Rashid, M. A. (2017). Prestasi kecekapan pengurusan kewangan dan agihan zakat: perbandingan antara majlis agama islam negeri di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 51(2), 39-54.
- World Health Organization. (2021, September 3). *WHO Coronavirus (Covid-19) Dashboard*. [WHO Coronavirus \(COVID-19\) Dashboard | WHO Coronavirus \(COVID-19\) Dashboard With Vaccination Data](https://www.who.int/dashboards/coronavirus)
- Zainudin, M. Z. (2020, Jun 2). *COVID-19: kerajaan analisis kesan terhadap sektor terjejas*. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/695534/COVID-19-kerajaan-analiseskesan-ke-atas-sektor-terjejas>
- Zaki, M. M. M., & Rahman, A. A. (2019). Pengurusan agihan zakat pendidikan: kajian di Zakat Pulau Pinang (ZPP). *Journal of Fatwa Management and Research (Jfatwa)*, 17(2). 141-173.